



POLISI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA



KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

PERUTUSAN KETUA PENGARAH

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Percanggahan kepentingan merupakan antara faktor yang menyumbang kepada kelemahan tadbir urus di dalam sesebuah organisasi. Selaras dengan perkembangan industri sawit yang dinamik, Lembaga Minyak Sawit Malaysia juga secara tidak langsung berpotensi tinggi terlibat dalam percanggahan kepentingan, khususnya bagi menyampaikan sistem perkhidmatan kepada masyarakat.

Oleh yang demikian, demi menyahut seruan Kerajaan dalam menangani konflik percanggahan kepentingan, MPOB telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif, antaranya membangunkan Polisi Percanggahan Kepentingan.

Polisi ini bertujuan untuk memberi panduan kepada warga MPOB berkaitan tatacara pengurusan percanggahan kepentingan dalam pelaksanaan tugas hakiki dan urusan rasmi jabatan. Polisi ini juga boleh menjadi rujukan kepada pihak ketiga yang berurusan dengan MPOB bagi mengelakkan wujudnya konflik percanggahan kepentingan oleh warga MPOB yang menjurus kepada pelanggaran terhadap peraturan-peraturan yang diperuntukkan di dalam Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 (Akta 605).

Besarlah harapan saya dengan pelaksanaan polisi ini akan menjadikan MPOB sebagai sebuah organisasi yang sifar rasuah dan mengutamakan amalan kerja yang telus, amanah dan berintegriti.

Sekian, terima kasih.

**KETUA PENGARAH
LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA**



ISI KANDUNGAN

| BIL | PERKARA | MUKA SURAT |
|-----|--|------------|
| 1. | Pendahuluan | 1 |
| 2. | Tujuan | 1 |
| 3. | Tafsiran | 1 |
| 4. | Pernyataan Polisi | 6 |
| 5. | Pengisytiharan Kepentingan oleh Warga MPOB | 7 |
| 6. | Percanggahan Kepentingan oleh Anggota Lembaga | 9 |
| 7. | Pematuhan | 9 |
| 8. | Pemakaian | 11 |
| 9. | Pertanyaan | 11 |
| 10. | Tarikh Kuat Kuasa | 11 |
| 11. | Penutup | 11 |
| | Borang Pengisytiharan Percanggahan Kepentingan | 12 |
| | Borang Menjalankan Pekerjaan Luar | 13 |



POLISI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

1. PENDAHULUAN

Sebagai sebuah organisasi yang dipertanggungjawabkan untuk membangun dan memajukan industri sawit negara, anggota Lembaga dan warga MPOB mungkin berada dalam situasi yang boleh disifatkan sebagai percanggahan kepentingan. Situasi ini menyebabkan suatu tindakan tidak dapat dibuat secara objektif dan telus, sekaligus menyukarkan sesuatu keputusan dibuat secara adil dan saksama dalam usaha untuk mencapai objektif tertinggi MPOB. Sehubungan dengan itu, Polisi Percanggahan Kepentingan diwujudkan sebagai panduan kepada anggota Lembaga serta warga MPOB dalam usaha untuk menangani situasi percanggahan kepentingan yang berlaku.

2. TUJUAN

Polisi ini diwujudkan bertujuan untuk memberi panduan kepada anggota Lembaga dan warga MPOB dalam menangani isu percanggahan kepentingan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab rasmi di MPOB.

3. TAFSIRAN

Bagi maksud Polisi Percanggahan Kepentingan ini:

- 3.1 **“Anggota”** seperti mana dirujuk kepada tafsiran Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 [Akta 582] ertiinya anggota Lembaga dan termasuklah anggota silih ganti.
- 3.2 **“Lembaga”** termasuklah Ketua Pengarah, mana-mana jawatankuasa yang diwakili atau pegawai Lembaga yang diwakilkan untuk menjalankan tugas bagi pihak dan di atas nama Lembaga.
- 3.3 **“Pegawai Lembaga”** ertiinya pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat yang dilantik di bawah seksyen 21 Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 [Akta 582].
- 3.4 **“Warga MPOB”** adalah seperti mana dirujuk sebagai “pegawai” dalam tafsiran Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605) ertiinya seseorang yang diambil bekerja secara tetap, sementara atau kontrak oleh sesuatu badan berkanun, dan dibayar emolument oleh badan berkanun itu, dan termasuklah seseorang yang dipinjamkan ke mana-mana perbadanan subsidiari atau syarikat badan berkanun itu atau mana-mana badan berkanun yang lain atau mana-mana Kementerian, jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan atau mana-mana jabatan atau agensi Kerajaan mana-mana Negeri atau mana-mana syarikat yang dalamnya Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri mempunyai kepentingan;

dan termasuk mana-mana orang yang dilantik di bawah seksyen 21 Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 [Akta 582] sepetimana di para 3.5 di atas.

- 3.5 **“Agensi Penguatkuasa”** ertinya mana-mana kementerian, jabatan, agensi atau badan lain yang dibentuk oleh Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri atau kerajaan tempatan termasuk suatu unit, seksyen, bahagian, jabatan atau agensi kementerian, jabatan, agensi atau badan itu, yang diberi fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan oleh mana-mana undang-undang bertulis atau yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan.
- 3.6 **“Alang”** seperti mana dirujuk kepada Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Keempat ertinya hadiah, pemberian.
- 3.7 **“Ejen”** seperti mana dirujuk kepada tafsiran di bawah Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], mana-mana orang yang diambil kerja oleh atau bertindak bagi seorang lain, dan termasuklah pegawai badan awam atau yang berkhidmat dalam atau di bawah mana-mana badan awam, pemegang amanah, pentadbir atau wasi pusaka seseorang yang sudah mati, subkontraktor, dan mana-mana orang yang diambil kerja oleh atau, yang bertindak bagi pemegang amanah, pentadbir atau wasi, atau subkontraktor itu.
- 3.8 **“Keraian”** seperti mana dirujuk kepada tafsiran Polisi Tidak Menerima Hadiah MPOB ertinya mengadakan jamuan atau keramaian.
- 3.9 **“Matan”** seperti mana dirujuk kepada Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Keempat ertinya naskhah asli.
- 3.10 **“Pihak yang berkepentingan”** ertinya pembekal, kontraktor, perunding atau mana-mana pihak secara individu, syarikat perniagaan, entiti, organisasi, institusi atau ejen yang terlibat di bawah mana-mana perjanjian/kontrak dengan MPOB atau terlibat dengan MPOB dalam sebarang aktiviti yang berkaitan atau yang menjalankan urusan perniagaan, bekalan, perkhidmatan atau kerja sama ada berorientasikan keuntungan ataupun tidak.
- 3.11 **“Prinsipal”** seperti dirujuk kepada tafsiran di bawah Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], termasuklah mana-mana majikan, mana-mana beneficiari di bawah sesuatu amanah, mana-mana estet amanah, mana-mana orang yang mempunyai kepentingan benefisial dalam pusaka seseorang yang sudah mati, pusaka seseorang yang sudah mati, dan, dalam hal mana-mana orang yang berkhidmat dalam atau di bawah sesuatu badan awam, badan awam itu.
- 3.12 **“Rasuah”** dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] membawa maksud memberi atau menawarkan, menerima atau meminta atau bersetuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

3.13 **"Saudara"** seperti dirujuk kepada tafsiran di bawah Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], berhubungan dengan seseorang, ertiaya:

- a) isteri atau suami orang itu;
- b) adik atau abang atau kakak orang itu;
- c) adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu;
- d) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu;
- e) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu;
- f) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan (b);
- g) bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; atau
- h) menantu orang itu.

3.14 **"Sekutu"** seperti dirujuk kepada tafsiran di bawah Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] berhubungan dengan seseorang, ertiaya:

- a) mana-mana orang yang merupakan penama atau pekerja orang itu;
- b) mana-mana orang yang menguruskan hal ehwal orang itu;
- c) mana-mana organisasi yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pekongsinya, atau orang yang bertanggungjawab bagi atau mengawal, atau yang mempunyai kepentingan mengawal dalam perniagaannya atau hal ehwalnya;
- d) mana-mana perbadanan mengikut pengertian *Akta Syarikat 1965 [Akta 125], yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pengarahnya atau bertanggungjawab bagi atau mengawal perniagaan atau hal ehwalnya, atau yang dalamnya orang itu, bersendirian atau bersama dengan mana-mana penamanya, mempunyai kepentingan mengawal, atau syer yang nilainya berjumlah tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada modal terbitan keseluruhan perbadanan itu; atau

- e) pemegang amanah mana-mana amanah, jika:
- amanah itu telah diwujudkan oleh orang itu; atau
 - nilai keseluruhan aset yang disumbangkan oleh orang itu kepada amanah itu pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas amanah itu diwujudkan, berjumlah, pada bila-bila masa, tidak kurang daripada 20% daripada keseluruhan nilai aset amanah itu.
- 3.15 **"Siasatan"** seperti dirujuk kepada tafsiran Prosedur Pengurusan Siasatan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) ertinya aktiviti pengesahan dan pengesahan sesuatu aduan atau laporan berkaitan kesalahan jenayah, penyelewengan, salah guna kuasa, salah tadbir, pelanggaran tatatertib, Kod Etika dan Tatakelakuan MPOB atau pelanggaran terhadap peraturan-peraturan atau prosedur kerja yang berkuat kuasa melalui pengumpulan bukti-buktii bagi mengenal pasti kesahihan perkara yang diadukan.
- 3.16 **"Suapan"** seperti dirujuk kepada tafsiran '**suapan'** di bawah Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] ertinya:
- wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;
 - apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;
 - apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;
 - apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskau, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;
 - apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
 - apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan
 - apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).

3.17 **“Sistem Pengurusan Antirasuah MS ISO 37001:2016 (SPAR/ ABMS)”** adalah sistem kawalan dalaman sesebuah organisasi secara sukarela bagi mengesan, mencegah, menguat kuasa, menilai serta menambah baik langkah pengurusan antirasuah secara berkesan.

3.18 Singkatan yang diguna pakai dalam Polisi ini bermaksud:

MPOB Lembaga Minyak Sawit Malaysia

SPRM Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

PDRM Polis Diraja Malaysia



PERNYATAAN POLISI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

4. PENYATAAN POLISI

Dalam usaha untuk mencapai objektif tertinggi organisasi, MPOB amat komited menjadi sebuah organisasi yang terulung negara dalam menerajui industri sawit ke satu era urus tadbir, sistem penyampaian perkhidmatan serta tatakelolanya yang berintegriti dan bebas rasuah selaras dengan pelaksanaan Pelan Antirasuah Lembaga Minyak Sawit Malaysia 2022-2026 (PALM 2022-2026).

Selaras dengan usaha dan komitmen tersebut, anggota Lembaga dan warga MPOB adalah dilarang:

- i) mempunyai kepentingan peribadi atau kewangan dengan mana-mana pihak yang berkepentingan dan terlibat dengan apa-apa urusan rasmi di MPOB;
- ii) menyalurkan apa-apa maklumat terperingkat berkaitan MPOB tanpa kebenaran yang membolehkan pihak yang berkepentingan mendapat manfaat dalam apa-apa urusan rasmi di MPOB;
- iii) menjalankan apa-apa bentuk transaksi menggunakan akaun peribadi dengan pihak yang berkepentingan yang mempunyai urusan rasmi di MPOB;
- iv) menerima keraian, hadiah atau komisen atau apa-apa barang bernilai daripada pihak yang berkepentingan yang mempunyai urusan rasmi di MPOB; dan
- v) menggunakan jawatan rasmi untuk mengembangkan kemajuan kerjaya atau lain-lain kepentingan saudara dan sekutunya di MPOB.

Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab rasmi di MPOB, anggota Lembaga dan warga MPOB hendaklah sentiasa memastikan prestasi kerja yang cemerlang dan profesional. Anggota Lembaga dan warga MPOB perlu meletakkan urusan rasmi pada satu tahap yang tinggi dan tidak membenarkan unsur-unsur luar yang boleh mengganggu, mendahului, mencampuri atau menghalang urusan pekerjaan rasmi berkenaan.

Adalah menjadi tanggungjawab setiap anggota Lembaga dan warga MPOB untuk membaca, memahami dan melaksanakan Polisi ini. Kegagalan mematuhi atau melanggar Polisi ini, boleh dikenakan apa-apa tindakan sehingga kepada tindakan tatatertib, selaras dengan mana-mana peraturan yang ditetapkan oleh MPOB/Kerajaan atau Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

5. PENGISYIHKARAN KEPENTINGAN OLEH WARGA MPOB

5.1 Warga MPOB hendaklah menzahirkan sebarang percanggahan kepentingan yang wujud dengan MPOB. Warga MPOB tidak dibenarkan melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam apa-apa juga perkara yang mungkin menimbulkan syak yang munasabah menyebabkan kepentingan persendirian bercanggah dengan kepentingan tugas rasmi di MPOB. Ini termasuklah pemilikan kepentingan dalam mana-mana organisasi di bawah seliaan MPOB atau ejen dilantik, pembekal kepada MPOB atau yang dimiliki oleh saudara atau merupakan majikan kepada anggota saudaranya.

Warga MPOB yang mempunyai percanggahan kepentingan dalam mana-mana proses kerja hendaklah mengisyiharkan kepentingannya secara bertulis kepada Ketua Pengarah MPOB dengan menggunakan Borang Pengisyiharan Percanggahan Kepentingan sebagaimana dalam Polisi Percanggahan Kepentingan MPOB.

5.2 Terlibat dalam Membuat Keputusan

Warga MPOB yang mempunyai percanggahan kepentingan dan terlibat membuat keputusan dalam mana-mana mesyuarat hendaklah mengisyiharkan kepentingannya secara lisan kepada mesyuarat serta meninggalkan mesyuarat tersebut. Urus setia mesyuarat hendaklah merekodkan dalam minit mesyuarat mengenai pengisyiharan kepentingan pegawai dan tindakan pegawai tersebut meninggalkan mesyuarat.

Mana-mana warga MPOB yang telah mengisyiharkan kepentingannya hendaklah digantikan dengan warga MPOB lain yang tidak mempunyai kepentingan dalam proses kerja berkenaan. Pengisyiharan kepentingan bertulis perlu dibuat dengan menggunakan Borang Pengisyiharan Percanggahan Kepentingan kepada Ketua Pengarah MPOB.

5.3 Pekerjaan Luar/Kerja Sambilan

Warga MPOB hendaklah mengisyiharkan apa-apa pekerjaan luar/kerja sambilan, kepentingan kewangan atau perhubungan yang berkemungkinan boleh menimbulkan percanggahan kepentingan secara nyata, langsung atau tidak langsung.

Kelulusan daripada Ketua Pengarah MPOB hendaklah diperolehi sebelum menjalankan pekerjaan luar/kerja sambilan atau menerima apa-apa jawatan tetap atau sambilan dalam sesuatu pekerjaan di luar daripada MPOB. Ketua Pengarah MPOB mempunyai kuasa mutlak berhubung permohonan berkenaan, manakala kelulusan Pengerusi MPOB diperlukan bagi permohonan daripada Ketua Pengarah MPOB.

Kelulusan diperlukan untuk pekerjaan atau kegiatan luar seperti berikut:

- i) penglibatan dalam apa-apa perniagaan atau kegiatan lain, misalnya, jualan langsung dan/atau secara atas talian untuk keuntungan atau manfaat kewangan;

- ii) mempunyai apa-apa kepentingan di dalam syarikat lain yang telah atau sedang berurusan dengan MPOB;
- iii) menjalankan pekerjaan luar/kerja sambilan di mana majikannya merupakan pesaing kepada MPOB
- iv) menjual, menyewa atau memajak harta tanah, perkhidmatan atau peralatan milik sendiri, saudara atau sekutu kepada MPOB.

Anggota hendaklah mengisi borang pekerjaan luar seperti di **Lampiran A**.

5.4 Memberi dan Menerima Hadiah

Warga MPOB adalah dilarang menerima atau memberi apa-apa hadiah atau membenarkan saudaranya atau mana-mana orang lain menerima atau memberikan bagi pihaknya apa-apa hadiah sama ada secara langsung atau tidak langsung berkaitan dengan tugas rasminya dan/atau bentuk jumlah atau nilai hadiah itu tidak sepadan dengan maksud hadiah. Warga MPOB hendaklah mendapatkan kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah MPOB sebelum menerima sebarang pemberian hadiah dan hendaklah mematuhi semua peraturan berkaitan penerimaan dan pemberian hadiah yang sedang berkuat kuasa sebagaimana Polisi Tidak menerima Hadiah MPOB.

5.5 Memberi dan Menerima Keraian

Warga MPOB dilarang memberi atau menerima apa-apa jenis keraian daripada atau kepada mana-mana orang kecuali:

- i) keraian itu tidak dalam apa-apa cara mempengaruhi pelaksanaan tugas sebagai warga MPOB untuk kepentingan individu itu; dan
- ii) keraian itu tidak dalam apa-apa cara menjadi tidak selaras dengan peraturan-peraturan di bawah Peraturan-Peraturan Tatatertib, Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] atau Kod Etika dan Tatakelakuan MPOB.

5.6 Memegang Jawatan dalam Persatuan Profesional/Koperasi

Warga MPOB hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Ketua Pengarah MPOB sebelum menerima apa-apa jawatan dalam mana-mana badan koperasi, organisasi, perkhidmatan awam termasuk persatuan profesional di luar MPOB yang berorientasikan keuntungan ataupun tidak, seperti keagamaan, pendidikan, kebudayaan, sosial, kebajikan, institusi awam atau amal.

5.7 Komunikasi Luaran

Warga MPOB hendaklah mendapatkan kelulusan Ketua Pengarah/ Ketua Jabatan masing-masing terlebih dahulu sebelum menerima tawaran sebagai penceramah/ pengacara/peserta/perwakilan di mana-mana kursus/ bengkel/majlis rasmi anjuran pihak luar MPOB. Penerimaan honorarium/ saguhati peribadi hendaklah diisyiharkan dan mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah MPOB sebagaimana Polisi Tidak menerima Hadiah MPOB dan Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah MPOB.

6. PERCANGGAHAN KEPENTINGAN OLEH ANGGOTA LEMBAGA

Anggota Lembaga hendaklah menzahirkan sebarang percanggahan kepentingan yang wujud dengan MPOB. Kod Etika Bagi Anggota Lembaga MPOB menetapkan bahawa anggota Lembaga hendaklah memastikan tidak berlaku percanggahan kepentingan antara jawatan awamnya dan kepentingan peribadi. Percanggahan kepentingan boleh berlaku akibat pengaruh dan kuasa yang ada pada anggota Lembaga selaku badan pentadbir di MPOB.

Anggota Lembaga hendaklah mengisyiharkan percanggahan kepentingan secara bertulis kepada Pengerusi MPOB dengan menggunakan Borang Perisyiharan Percanggahan Kepentingan, sebagaimana dalam Polisi Percanggahan Kepentingan MPOB, sekiranya dalam menjalankan tugas-tugas rasmi mereka berhadapan dengan kepentingan peribadi yang bercanggah dengan kepentingan awam.

Anggota Lembaga hendaklah pada setiap masa mematuhi semua peraturan berkaitan percanggahan kepentingan sebagaimana Kod Etika Bagi Anggota Lembaga MPOB dan Polisi Percanggahan Kepentingan MPOB.

Hadiah, Keraian dan Upah

Anggota Lembaga hendaklah mengelak daripada menggunakan jawatan untuk kepentingan peribadi seperti meminta dan menerima apa-apa hadiah, upah atau kemudahan yang boleh menjelaskan integriti mereka. Anggota Lembaga hendaklah melaporkan kepada Pengerusi MPOB setiap kali penerimaan hadiah, keraian atau upah.

Panduan penerimaan hadiah, keraian dan upah bagi anggota Lembaga hendaklah merujuk sebagaimana Kod Etika Bagi Anggota Lembaga MPOB.

7. PEMATUHAN

- 7.1 Adalah menjadi tanggungjawab setiap anggota Lembaga dan warga MPOB untuk membaca, memahami dan melaksanakan Polisi ini. Mana-mana warga MPOB yang didapati gagal mematuhi atau melanggar Polisi boleh dikenakan tindakan tatatertib atau peraturan-peraturan lain yang berkuat kuasa.
- 7.2 Warga MPOB yang didapati gagal mengisyiharkan atau mengelak percanggahan atau konflik kepentingan boleh diertikan telah membelaikan kewajipannya kepada badan berkanun demi kepentingan peribadinya iaitu bertentangan dengan perenggan 3(2)(a), 3(2)(b), 3(2)(c)(i),

3(2)(c)(ii) dan 3(2)(f) Peraturan-peraturan Tatatertib Badan-badan Berkanun, Bahagian Kedua, Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] yang memperuntukkan bahawa:

- "3. (2) Seseorang pegawai tidak boleh:
- a) membelakangkan kewajipannya kepada badan berkanun demi kepentingan peribadinya;
 - b) berlakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kewajipannya kepada badan berkanun;
 - c) berlakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah bahawa:
 - i) dia telah membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kewajipannya kepada badan berkanun sehingga menjelaskan kebergunaannya sebagai seorang pegawai badan berkanun; atau
 - ii) dia telah menggunakan kedudukannya sebagai seorang pegawai badan berkanun bagi faedahnya sendiri;
 - d) tidak jujur atau tidak amanah"

7.3 Anggota Lembaga yang didapati gagal mengisytiharkan atau mengelakkan percanggahan atau konflik kepentingan boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 23, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang menyatakan seperti berikut:

"23. (1) Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, melakukan suatu kesalahan;

(2) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang pegawai badan awam hendaklah dianggap, sehingga akasnya dibuktikan, telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, apabila dia membuat apa-apa keputusan, atau mengambil apa-apa tindakan, berhubungan dengan apa-apa perkara yang mengenainya pegawai itu, atau mana-mana saudara atau sekutunya, mempunyai kepentingan, sama ada secara langsung atau tidak langsung."

8. PEMAKAIAN

Polisi Percanggahan Kepentingan ini hendaklah menjadi panduan kepada anggota Lembaga dan warga MPOB dalam menguruskan percanggahan kepentingan yang berlaku. Polisi ini juga hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia seperti Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 [Akta 582], Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605], Kod Etika bagi Anggota Lembaga Pengarah MPOB, Kod Etika dan Tatakelakuan MPOB serta mana-mana polisi, peraturan atau prosedur di MPOB yang berkuat kuasa berhubung dengan polisi ini.

9. PERTANYAAN

Pertanyaan mengenai Polisi ini hendaklah dikemukakan kepada:

Unit Integriti,
Lembaga Minyak Sawit Malaysia,
6 Persiaran Institusi,
43000 Bandar Baru Bangi,
Selangor
Talian telefon: 03-8769 4776 / 4779 / 4848 / 3991 / 4390 / 3941

10. TARIKH KUAT KUASA

Polisi ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2024.

11. PENUTUP

Pematuhan terhadap Polisi Percanggahan Kepentingan ini dapat merealisasikan hasrat untuk menjadikan MPOB sebuah organisasi terulung dalam semua bidang industri sawit, berintegriti dan bebas rasuah. Sehubungan itu, Polisi ini akan dijadikan sebagai panduan kepada anggota Lembaga dan warga MPOB dalam menangani isu percanggahan kepentingan agar suatu tindakan dapat dibuat secara objektif, telus, adil dan saksama.

BORANG PENGISYIHKARAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

Kepada:

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Saya

No.K/P: selaku anggota Lembaga/warga MPOB (potong yang tidak berkenaan) berjawatan dan gred bertugas di dengan ini sesungguhnya mengisyiharkan bawah:

Saya, **MEMPUNYAI** kepentingan peribadi, kewangan atau lain-lainnya, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam perkara tertentu yang menimbulkan atau boleh menimbulkan percanggahan kepentingan dengan tugas dan tanggungjawab saya sebagai Anggota Lembaga/Warga MPOB (potong yang tidak berkenaan) dengan individu/syarikat/organisasi (potong yang tidak berkenaan) bernama iaitu merupakan kepada saya, yang terlibat dengan urusan di MPOB sebagai

Saya dengan ini perlu dikecualikan daripada terlibat dalam apa-apa proses kerja yang berkaitan dengan permohonan atau urusan di atas. Sesungguhnya maklumat yang diberikan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

No. K/P :

Tarikh :

Nota:

1. Tandakan dipetak berkenaan.
2. Sila sertakan sesalinan sijil kelahiran bapa/ibu

LAMPIRAN A

MPOB/FMB/BIL. 7 (2017)



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
MALAYSIAN PALM OIL BOARD

BORANG MENJALANKAN PEKERJAAN LUAR

Kepada : Ketua Unit Sumber Manusia

Tarikh :

No Rujukan : No. Anggota:
(Diisi oleh Unit Sumber Manusia)

A. MAKLUMAT PERIBADI

No. Kad Pengenalan : No. Anggota :
Nama : Jawatan :
Bahagian : Unit :
E-mail : Facebook :
Instagram : Blog :
No. Telefon :

B. JENIS PEKERJAAN LUAR (NYATAKAN)

- i.
- ii.

C. MAKLUMAT SYARIKAT

Nama Syarikat :
No. Pendaftaran Syarikat :
Pemilik Syarikat :
Alamat Syarikat :
Anggaran Jualan (RM) Sebulan :
Masa Pekerjaan Luar dilakukan (contoh 5.30 petang)
Kekerapan seminggu :

D. PERAKUAN PERMOHONAN

Saya mengaku bahawa butir-butir yang dinyatakan di atas adalah benar 2. Saya memohon kelulusan untuk melakukan pekerjaan luar dan berjanji akan mematuhi Peraturan 4 Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun Akta 605 (Tatatertib dan Surcaj) 2000 iaitu:

- i) tidak dilakukan dalam waktu pejabat dan semasa saya dikehendaki melaksanakan tugas rasminya;
- ii) tidak akan dengan apa-apa cara cenderung menjejaskan kebergunaan saya sebagai seorang pegawai badan berkanun; dan
- iii) tidak akan dengan apa-apa cara cenderung bercanggah dengan kepentingan badan berkanun, atau menjadi tidak selaras dengan kedudukan saya sebagai seorang pegawai badan berkanun.

Saya bersetuju dengan Liabiliti, tanggungan undang-undang dan idemniti berkaitan dengan pekerjaan luar seperti berikut:

- i) MPOB menolak apa-apa liabiliti atau tanggungan undang-undang terhadap apa-apa kerugian, kecederaan atau selainnya yang ditanggung oleh seseorang pegawai semasa dia menjalankan pekerjaan luar, tanpa mengira sama ada pekerjaan luar yang dilakukannya itu mendapat kebenaran atau tidak;
- ii) Seseorang pegawai yang melakukan pekerjaan luar dengan kebenaran atau tidak hendaklah melepaskan MPOB daripada apa-apa tuntutan, liabiliti, dan tindakan guaman terhadap apa-apa kecederaan atau kerugian yang ditanggung oleh pegawai itu semasa dia menjalankan perkerjaan luarnya itu;
- iii) Jika semasa melakukan sesuatu pekerjaan luar sama ada dengan kebenaran atau tidak, pegawai itu melakukan apa- apa perbuatan yang, atau berkelakuan dengan apa-apa cara sehingga, meletakkan MPOB dalam apa-apa risiko tuntutan ganti rugi atau guaman hendaklah menggantirugikan dan mengantibayarkan apa-apa kerugian yang ditanggung oleh MPOB bagi penyelesaian tuntutan itu.
- iv) MPOB dari masa ke semasa berhak/boleh meminda garis panduan ini bagi menjaga kepentingan MPOB, dan jika ada pertikaian mengenainya, kepentingan MPOB hendaklah diutamakan.

E. SOKONGAN KETUA JABATAN

| Sokongan Ketua Unit/ Ketua Stesen | Sokongan/ Kelulusan Pengarah Bahagian |
|-----------------------------------|---|
| Sokong/ Tidak Sokong | <ul style="list-style-type: none"> • Sokong/ Tidak Sokong • Lulus/ Tidak Lulus (Pengarah boleh meluluskan sekiranya hasil jualan kurang RM5000 sebulan) |
| Nama: Cop: Tarikh: | Nama: Cop: Tarikh: |
| | |

UNTUK KEGUNAAN URUSETIA

(x) di dalam kotak berkenaan

- Dimaklumkan bahawa permohonan tuan/ puan diluluskan
- Permohonan tuan/ puan akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Perkerjaan Luar
- Permohonan tuan/ puan akan dikemukakan kepada Ketua Pengarah untuk kelulusan.

Tandatangan:

Nama:

Tarikh:







Penerbit MPOB
Lembaga Minyak Sawit Malaysia
6 Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor, Malaysia
Tel: +603-8769 4400 | Faks: +603-8925 9446
E-mel: pub@mpob.gov.my



www.mpob.gov.my



Malaysian Palm Oil Board



[mpob_ig](#)



[MPOB_tweets](#)